

Golongan Antivaksin Sama Berbahaya Seperti COVID-19



Oleh: Nurhazirah Hanis Faisal
Universiti Sains Islam Malaysia
Diterbitkan pada 20 Jun 2021

Vaksin pertama COVID-19 keluaran Pfizer-BioNtech mula diperkenalkan di Malaysia pada akhir Februari lalu menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) sebagai inisiatif bagi mencegah penularan wabak tersebut.



Gambar hiasan

Menurut statistik Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19, sehingga 8 Jun 2021, seramai 2,609,377 rakyat Malaysia sudah divaksinasi.

Keutamaan diberikan kepada petugas barisan hadapan, warga emas serta golongan berisiko tinggi kerana mereka terdedah dengan kadar kebolehjangkitan yang lebih tinggi.

Kini, program imunisasi dibuka secara meluas kepada rakyat berumur 18 tahun ke atas. Kerajaan juga membuka sebanyak 381 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh negara.

Pelbagai langkah proaktif diambil oleh kerajaan seperti pemberian vaksin secara menyeluruh, memperketatkan prosedur operasi standard (SOP) serta menguatkuasakan sekatan pergerakan mulai 1 Jun lalu.

Selain itu, pelbagai usaha dipergiatkan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang betapa pentingnya pengambilan vaksin.

Ia boleh dilihat melalui iklan-iklan yang dipaparkan di televisyen, poster-poster di media sosial dan saranan yang dipromosikan oleh ikon dan selebriti tempatan.

Pemberian vaksin menjadi khabar gembira khususnya bagi mereka yang berada di sektor berkeperluan khas. Mereka mengetahui risiko yang bakal dihadapi, namun keadaan mendesak ekoran tanggungjawab yang digalas.

Hal ini menjadikan kebergantungan mereka kepada vaksin sangat tinggi sebagai ikhtiar bagi melawan COVID-19.

Rata-rata orang awam juga menunjukkan reaksi positif dan tidak sabar menunggu giliran untuk divaksin. Pasti mereka tidak akan melepaskan peluang memastikan diri dan keluarga mendapat perlindungan.

Walau bagaimanapun, masih wujud segelintir anggota masyarakat yang memandang enteng terhadap perkara ini khususnya golongan antivaksin.

Mereka bukan sahaja mengundang risiko terhadap kesihatan sendiri, malah menimbulkan ancaman dengan mencemarkan pemikiran masyarakat.

Pandangan dan ideologi yang tidak berasas oleh golongan antivaksin yang disebar luas melalui media sosial perlu dihentikan.

Golongan ini lantang mengeluarkan hujah tanpa bukti dan kajian saintifik seolah-olah menafikan nasihat serta saranan pakar-pakar perubatan.

Dakwaannya kononnya proses vaksinasi bertujuan menanam cip mikro dalam tubuh manusia sungguh tidak masuk akal selain dimomokkan boleh mengakibatkan kemandulan serta mengancam nyawa.

Mungkin sebilangan penerima vaksin yang menerima kesan sampingan namun ia hanya dalam kuantiti kecil sahaja dan tidak serius seperti yang diuar-uarkan.

Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor ketika menjelaskan isu ini berkata, bahawa keharusan dan kewajipan seseorang mengambil vaksin telah diputuskan dalam Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan sehingga jatuh kepada hukum haram bagi sesiapa yang menolak vaksin tanpa sebab yang munasabah.

Ia selari dengan matlamat syariah dalam menyelamatkan nyawa manusia. Pada asasnya, memang benar pengambilan vaksin bukanlah jaminan untuk tidak dijangkiti COVID-19, namun sekurang-kurangnya ia membantu mengurangkan risiko jangkitan.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin turut menyatakan bahawa beliau berharap sebanyak 80 peratus rakyat Malaysia akan menerima vaksin sebelum akhir tahun ini.

Dalam situasi mencabar seperti ini, setiap pihak seharusnya menggembelng tenaga bagi memastikan usaha memerangi COVID-19 membuahkan hasil.

Saranan kerajaan agar setiap individu mendapatkan vaksin perlu dititikberatkan supaya dapat membentuk imuniti kelompok dalam kalangan rakyat Malaysia.

Kejayaan yang dicapai oleh Brunei dalam memutuskan rantaian COVID-19 wajar dijadikan pemangkin semangat untuk kita. Mereka juga pernah melalui situasi getir, namun kini mereka menang dalam perang melawan wabak ini.

Kini, mereka boleh menjalani kehidupan seperti biasa tanpa memakai pelitup muka. Tidakkah kita juga mahukan situasi yang sama?